

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

PDP 427 - Kaedah Mengajar Sejarah II

[Masa : 3 jam]

Jawab soalan No. 1 dan DUA soalan yang lain.

1. a) Apakah dia kaedah inkuiri?
[5 markah]
- b) Mengapakah kaedah inkuiri penting di dalam pendidikan sejarah?
[15 markah]
- c) Bincangkan satu pendekatan yang mencerminkan falsafah pendidikan inkuiri dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah.
[20 markah]
2. a) Di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kurikulum sejarah juga berperanan sebagai kurikulum kewarganegaraan. Mengapa?
[10 markah]
- b) Dengan menggunakan tema-tema yang spesifik dari Sukatan Pelajaran Sejarah Menengah Atas hujahkan kesesuaian atau sebaliknya pendidikan sejarah digunakan sebagai pendidikan kewarganegaraan.
[20 markah]
3. a) Apakah dia mengajar berpasukan?
[5 markah]
- b) Bincangkan organisasi dan pelaksanaan mengajar berpasukan di dalam satu kelas sejarah di Tingkatan VI.
[25 markah]
4. a) Guru sejarah menghadapi dilema dalam menangani subjek yang diajarnya. Di satu pihak ia diperlukan untuk membuat pertimbangan moral apabila membincangkan isu-isu sejarah. Di satu pihak yang lain pula ia tidak

...2/-

dibenarkan berbuat sedemikian. Bincangkan dilema pertimbangan moral ini sebagaimana yang diujahkan oleh Butterfield dan Oakeshott?

[20 markah]

- b) Dengan merujuk kepada Falsafah Pendidikan Negara dan objektif-objektif pendidikan sejarah bincangkan konsep pertimbangan moral ini dalam konteks pendidikan di Malaysia.

[10 markah]

5. a) Huraikan ciri-ciri yang terdapat pada seseorang murid yang lembam.

[15 markah]

- b) Bincangkan bagaimana anda menangani murid lembam di dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah.

[15 markah]